

Surat khabar: Utusan Malaysia

Hari/Tarikh: 21/11/2012

Muka surat: 26

Karnival Bahasa dan Kolokium Siswazah

KUCHING 20 Nov. - Pusat Pengajian Bahasa (PBB) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) akan mengadakan Karnival Bahasa dan Kolokium Siswazah 2012 selama dua hari bermula esok.

Dalam kenyataannya di sini, dua buah buku akan dilancarkan pada karnival tersebut iaitu buku *Panduan Akademik PBB* dan jurnal dalam talian yang berjudul *Issues in Language Studies*.

Katanya, karnival yang julung kali diadakan itu bersempena ulang tahun ke-20 universiti itu.

“Setiap kursus akan mengendalikan gerai dan menganjurkan pelbagai aktiviti seperti pertandingan *Reader’s Theatre*, bengkel penulisan khat dan kaligrafi Cina, ceramah kerjaya dan kuiz.

“Pada masa sama, pelajar pasca siswazah akan membentangkan hasil penyelidikan terbaharu mereka dalam sesi kolokium,” katanya.

Sementara itu, beberapa syarikat tempatan turut menjadi penaja karnival tersebut, antaranya British Council Sarawak, Edition 99 Sdn. Bhd., Corp premium Sdn. Bhd., De Jackie Inspirations dan OurYouth.my.

Selain itu katanya, karnival tersebut turut mendapat sokongan daripada Sarawak Bloggers Association, Sarawak Society for the Prevention of Cruelty Against Animal (SSPCA), Red FM dan Rabiah Amit Kek Lapis Sarawak.